



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Bahagian Penguatkuasaan Farmasi

Pharmacy Enforcement Division

Lot 36, Jalan Prof Diraja Ungku Aziz, Petaling Jaya

46200 SELANGOR

MALAYSIA

Tel: 03-7841 3200

Laman Web: www.pharmacy.gov.my

Rujukan Tuan:

Rujukan Kami: KKM.600-18/2/88 Jld. 3 (60)

Tarikh : 30 Ogos 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Dr./Tuan/Puan,

PENJUALAN RACUN UNTUK DICAMPUR DALAM MAKANAN HAIWAN DAN PENJUALAN MAKANAN HAIWAN MENGANDUNGI RACUN DI BAWAH AKTA RACUN 1952

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat Bahagian ini dengan rujukan KKM.600-18/2/88 Jld. 3 (55) bertarikh 24 Ogos 2022 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Dr./Tuan/Puan, Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menerima pandangan dan saranan dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) berkaitan racun yang dibenar untuk dicampur dalam makanan haiwan sebagai penggalak tumbesaran atau untuk tujuan pencegahan (*prophylaxis*) selaras dengan senarai '*phasing out plan antimicrobial*' oleh pihak DVS bagi lesen di bawah Akta Racun 1952 berkuatkuasa 2024.

3. Sehubungan itu, berikut adalah tindakan yang akan dilaksanakan oleh Bahagian ini bagi permohonan pembaharuan/ baharu lesen di bawah Akta Racun 1952 bermula tarikh kuatkuasa lesen 1 Januari 2024 seperti di bawah :

- i) Pegawai Pelesenan tidak akan mempertimbangkan permohonan tiga (3) racun iaitu Apramycin, Bacitracin Methylene Disalicylate (BMD) dan Chlorotetracycline dalam makanan haiwan dalam permohonan Lesen Jenis B sebagai penggalak tumbesaran atau untuk tujuan pencegahan penyakit (*prophylaxis*) seperti yang telah dicadangkan oleh pihak DVS dan



seterusnya empat (4) racun iaitu Tiamulin, Trimethoprim, Virginiamycin dan Zinc Bacitracin secara berfasa bagi Lesen Jenis B berkuatkuasa tahun 2025 seperti di **Lampiran A**.

- ii) Pemohon Lesen Jenis A dan Lesen Jenis B yang mengendalikan racun dalam makanan haiwan akan diminta mengemukakan Lesen Import dan/atau Sijil Pendaftaran Pembuat dan/atau Sijil Pendaftaran Penjual (yang mana berkaitan) yang masih sah sebagai dokumen sokongan tambahan semasa mengemukakan permohonan lesen di bawah Akta Racun 1952.

4. Keputusan untuk melarang penjualan racun dalam makanan haiwan sebagai penggalak tumbesaran atau untuk tujuan pencegahan penyakit (*prophylaxis*) berdasar syor pihak DVS ini **tidak akan merubah peruntukan sedia ada di bawah seksyen 19(1)(c) Akta Racun 1952 yang membenarkan doktor veterinar berdaftar menjual atau membekal semua jenis racun kecuali racun kumpulan A di bawah Akta Racun 1952 untuk tujuan digunakan dalam merawat haiwan.**

5. Tindakan pada para (3) di atas adalah bagi memastikan keselarasan tindakan di antara Bahagian ini dengan pihak DVS dalam pengeluaran lesen di bawah Akta Racun 1952 dengan pengeluaran Lesen Mengimport, Sijil Pendaftaran Pembuat dan juga Sijil Pendaftaran Penjual bagi makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan di bawah Akta Makanan Haiwan 2009 melibatkan cadangan fasa pertama '*phasing out plan antimicrobial*' 2022-2025 sebagai penggalak tumbesaran dan pencegahan penyakit (*prophylaxis*) yang kebiasaannya dicampurkan di dalam makanan haiwan bagi memastikan tindakan kawalan dan pemantauan yang lebih menyeluruh di bawah kedua-dua Akta tersebut.

6. Diharap pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Dr./Tuan/Puan dapat memaklumkan kepada ahli persatuan berkaitan perkara ini. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini, pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Dr./Tuan/Puan boleh menghubungi **Cik Nursyila Roziana Binti Mohd Radzi** atau **Encik Mohd Ruzaini Bin Marzuki** di talian

03-7841 3200 atau die-melkan kepada nursyila@moh.gov.my/
mruzaini@moh.gov.my.

7. Kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Dr./Tuan/Puan berkaitan perkara ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ZAWAWI BIN ABDULLAH) RPh. 2183

Timbalan Pengarah

Cawangan Perundangan

b.p Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Farmasi

Kementerian Kesihatan Malaysia

SITIM/nmr/mrm

✉ nursyila@moh.gov.my / mruzaini@moh.gov.my

☎ +603 - 7841 3200

- s.k :
- i) Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
 - ii) Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
 - iii) Pengarah Bahagian Regulatori Farmasi Negara
Kementerian Kesihatan Malaysia
 - iv) Timbalan Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
 - v) Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)
Semua Jabatan Kesihatan Negeri/ Wilayah Persekutuan

Lampiran A

**SARANAN JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) BAGI FASA
PERTAMA 'PHASING OUT PLAN ANTIMICOBIAL' DALAM MAKANAN HAIWAN
SEBAGAI PENGGALAK TUMBESARAN (AGP) DAN
PENCEGAHAN PENYAKIT (PROPHYLAXIS)**

2022	2023	2024	2025
Chlortetracycline Oxytetracycline Amoxicillin Ampicillin Neomycin Cefalexin Benzylpenicillin Florfenicol	Norfloxacin Tilmicosin Tylvalosin Spectinomycin Sulfamonomethoxine Sulfadiazine Lincomycin	Enramycin Bacitracin methylene disalicylate (BMD) Apramycin Chlorotetracycline	Tiamulin Zinc bacitracin Trimethoprim Virginiamycin

SENARAI EDARAN

1. Presiden
Malaysia Animal Health and Nutrition Industries Association (MAHNIA)
43, Jalan SS15/2A,
47500 Subang Jaya, Selangor
Faks : 03-5621 0668/ E-mel : admin@mahnia.com

2. Presiden
Malayan Veterinary Medical Association (MAVMA)
(PPM-011-14-23011989)
10-1, Jalan Sierra 10/2,
Bandar 16 Sierra,
47120 Puchong, Selangor
E-mel : secretary@mavma.org.my

3. Presiden
Federation Of Livestock Farmers' Associations Of Malaysia (FLFAM)
No. 93A, Jalan SS15/5A,
47500 Subang Jaya, Selangor
Faks : 03-5634 2015/ E-mel : info@flfam.org.my

4. Presiden
Malaysian Feedmillers Association (MFA)
c/o Gold Coin Feedmills (M) Sdn. Bhd.
Jalan Parang, Pelabuhan Utara,
42000 Pelabuhan Klang, Selangor
Faks : 03-3176 6842

5. Presiden
Malaysia Small Animal Veterinary Association (MSAVA)
No. 10A, Jalan Mutiara Raya,
Taman Mutiara Barat,
56000 Kuala Lumpur
Emel : msava.exco@gmail.com

6. Presiden
Persatuan Farmasi Malaysia (MPS)
16-2, Jalan OP 1/5,
1-Puchong Business Park,
Off Jalan Puchong,
47160 Puchong, Selangor.
Faks: 03-8070 0388/ E-mel : admin@mps.org.my

7. Presiden
Pharmaceutical Association of Malaysia (PhAMA)
C-18-2, 3 Two Square (Dataran 3 2)
No. 2, Jalan 19/1,
46300 Petaling Jaya, Selangor.
Faks: 03-7960 8324/ E-mel : phama@phama.org.my

8. Presiden
Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industries (MOPI)
Global Business & Convention Centre
Mezzanine Floor, Block A,
No. 8, Jalan 19/1, Section 19,
46300 Petaling Jaya, Selangor.
Faks: 03-7932 2730

9. Presiden
Persatuan Farmasi Komuniti Malaysia (MCPG)
100.3.041,129 Offices Block J,
Jaya One, No. 72A,
Jalan Universiti, Section 13,
46200 Petaling Jaya, Selangor
Faks : 03-7391 1011/ Emel: info@mcp.org.my